



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**23 JUN 2017 (JUMAAT)**

**AKHBAR**

**MUKA SURAT**

**Sinar Harian**

- |   |    |
|---|----|
| - Pembuangan sampah punca sungai tercemar | 41 |
|---|----|



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**23 JUN 2017 (JUMAAT)**

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Pembuangan sampah punca sungai tercemar
Muka Surat	41

## Pembuangan sampah punca sungai tercemar

**AMPANG** - Jumlah peningkatan sisa makanan menjadi satu trend yang membimbangkan terutamanya semasa musim perayaan sekali gus boleh menyebabkan sungai tercemar.

Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Selangor, Ir Azmi Ibrahim berkata, trend itu menjadi amaran terhadap tindakan dalam pengendalian sisa makan dan sampah tidak betul bermula dari rumah.

"Ia adalah satu amaran untuk menyedarkan kita semua bahawa tindakan kita dalam pengendalian sisa isi rumah harian adalah tidak betul, terutama sisa makanan yang boleh memberi ancaman serius kepada sungai kita.

"Sisa makanan yang dibazirkan akan dibuang ke dalam tong sampah dan seterusnya ke tapak pelupusan sampah. Jika ia tidak dilupuskan dengan betul, sisa makanan ini mungkin berakhir di dalam longkang yang mengalir ke sungai-sungai kita," katanya.

Menurutnya, situasi itu kemudian menyebabkan bukan sahaja pencemaran sungai tetapi sistem saliran tersumbat yang boleh meningkatkan risiko banjir dan penyebaran penyakit.

"Kita sudah memperkenalkan langkah mudah yang boleh menjadi amalan seperti menghentikan penggunaan beg plastik dan membawa bekas makanan sendiri yang boleh dikitar semula atau diguna pakai semula.

"Menggalakkan amalan kitar semula minyak masak terpakai dan yang paling utama adalah amalan tidak membazir iaitu membeli dan mengambil makanan mengikut keperluan sahaja sepanjang



Risalah pendidikan mengenai kempen turut diedarkan kepada golongan cilik.

***Sisa makanan yang dibazirkan akan dibuang ke dalam tong sampah dan seterusnya ke tapak pelupusan sampah.***

- Ir Azmi

SH 23/6/17  
MPS 41

Ramadan dan Syawal," katanya.

Azmi berkata, justeru, JPS Selangor kini giat melaksanakan kempen Ramadan Hijau di bawah Projek River of Life-Public Outreach Programme di kawasan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) dan Majlis Perbandaran Selayang (MPS).

"Ia bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai pengurangan dan pengurusan sisa yang lebih baik da-

lam kalangan komuniti dan ia akan menyumbang kepada kebersihan suhgai dalam jangka masa panjang.

"Kempen ini turut menyasarkan untuk mendidik masyarakat mengitar semula minyak masak terpakai untuk menghasilkan produk berguna seperti biodiesel, lilin dan sabun," katanya.

Menurutnya, penjaja di bazar Ramadan dan masyarakat digalakkan membawa minyak masak terpakai mereka ke pusat kitar semula yang didirikan pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Kebanyakan masyarakat dan penjaja makanan tidak mengetahui cara pembuangan minyak masak terpakai yang betul, kebanyakannya mereka masih menuang minyak masak terpakai ke dalam longkang atau sinki yang akhirnya akan mengalir ke sungai, mengakibatkan pencemaran dan menjelaskan pengurusan sungai," katanya.